

# **Pameran Menara Berkembar KLCC daripada buku**

PUTRAJAYA 12 Okt -- Pakar motivasi dan penulis Billi P S Lim tidak ketinggalan untuk mengadakan pameran buku yang disusun menjadi Menara Berkembar Kuala Lumpur (KLCC) pada ruang legar sempena Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Ke 10 di Pusat Konvensyen Putrajaya (OIC) di sini

Menurutnya pameran replika Menara Berkembar KLCC yang diperbuat daripada susunan buku buku motivasi karvanya itu adalah kali ketiga selepas di Sunway Pyramid dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

Replika daripada 10 judul buku motivasi saya dan buku kuku karya Dr Mahathir ini adalah sebagai simbolik daripada inspirasi Perdana Menteri itu yang menggalakkan rakyat upaya rajin membaca bagi menambah pengetahuan katanya ketika ditemui di sini hari ini

Billi juga menunjukkan gambar replika Menara Berkembar KLCC yang dipamerkan di PCC sempena OIC itu telah mendapat liputan meluas akhbar akhbar di Indonesia

Saya akan terus membuat pameran sedemikian dan apa yang menariknya percubaan ini telah berjaya dicatatkan ke dalam The Book Malaysia Book of Records sempena pamerannya di Sunway Pyramid pada 22 Ogos lalu jelasnya